

Kegunaan dan Fungsi Cookies Pada Browser



Dengan cookies, website atau laman sesawang boleh menyimpan jejak rakam dan aktiviti yang dilakukan pengunjung.

1. Menyimpan maklumat Login

Fungsi cookies yang pertama adalah untuk menyimpan informasi login. Jadi, Anda tidak perlu menulis berulang kali username dan kata laluan (p a s s w o r d) untuk mengunjungi website yang sama.

2. Menyimpan Pengaturan Website

Cookies juga berfungsi untuk menyimpan pengaturan website atau laman sesawang yang dikunjungi. Contohnya, ketika Anda mengunjungi sebuah website yang menawarkan pilihan bahasa Inggeris atau bahasa Malaysia. Kemudian Anda memilih pengaturan bahasa Malaysia, cookies akan “mengingat” pilihan yang Anda pilih.

3. Menyediakan kandungan aktiviti Peribadi

Fungsi cookies yang lain adalah memungkinkan website untuk menyediakan kandungan berdasarkan aktiviti peribadi. Contohnya, di sebuah website penjualan online anda sering mencari barangan elektronik dan pakaian. Ketika anda kembali ke website online tersebut, Anda akan mendapatkan cadangan-cadangan produk yang berkaitan dengan produk elektronik dan pakaian.

Jadi pengalaman berbelanja online anda boleh dilihat berdasarkan aktiviti peribadi kerana cookies menyimpan jejak rakam dan aktiviti Anda di website online tersebut.

4. Menampilkan Iklan

Fungsi cookies yang terakhir adalah untuk menampilkan iklan yang sesuai dengan aktiviti browsing pengunjung. Misalnya, Anda baru saja mengunjungi website kedai online yang menjual Telephone Bimbit. Kemudian Anda membaca berita di portal berita online dan boleh mendapati iklan yang berkaitan dengan Telephone Bimbit.